

**แผนบริหารการสอนประจำบทที่ 10
บทที่ 10 AYAT MAJMUK (ประโยชน์ความรวม)**

รายละเอียดของเนื้อหา

- 1.1 Pengenalan (บทนำ)
- 1.2 Pengertian Ayat Majmuk (ความหมายของประโยชน์ความรวม)
- 1.3 Jenis-jenis Ayat Majmuk
 - Kesimpulan (บทสรุป)
 - Latihan (แบบฝึกหัด)
 - Rujukan (เอกสารอ้างอิง)

วัตถุประสงค์

บทเรียนนี้มีวัตถุประสงค์เพื่อให้ผู้เรียน

1. อธิบายความหมายประโยชน์ความรวม
2. นำเสนอชนิดประโยชน์ความรวม
3. อธิบายความแตกต่างระหว่างประโยชน์พื้นฐาน ประโยชน์ความเดียวและประโยชน์ความรวม
4. สร้างประโยชน์ความรวมด้วยรูปแบบต่างๆที่ปรากฏในภาษา民族
5. วิเคราะห์ส่วนประกอบของประโยชน์ความรวมในภาษา民族

กิจกรรมการเรียนการสอนประจำบท

1. บรรยายประกอบสไลด์
2. นักศึกษาทำความเข้าใจในเนื้อหาและสร้างประโยชน์ความรวมในรูปแบบต่างๆ
3. นักศึกษาฝึกสร้างและวิเคราะห์ประโยชน์ความรวมเป็นรายกลุ่ม
4. ผู้สอนและนักศึกษาวิเคราะห์งานที่นักศึกษาทำเป็นรายกลุ่มและรายบุคคล

สื่อการเรียนการสอน

1. เอกสารประกอบการสอน
2. Slide power point
3. กระดาษชาลาเป่า ปากกาเมจิก
4. โทรศัพท์มือถือหรือไอแพด

การวัดและการประเมินผล

1. สังเกตความสนใจ ความตั้งใจ การมาเรียน ความร่วมมือ
2. การนำเสนอประโยชน์พื้นฐานและวิเคราะห์รูปแบบประโยชน์พื้นฐานและส่วนประกอบของประโยชน์พื้นฐาน

BAB 10

AYAT MAJMUK (ประโยคความรวม)

10.1 Pengenalan (บทนำ)

Apabila didapati beberapa ciri ayat dasar yang harus digabungkan daripada dua ayat dasar kepada satu ayat. Penggabungan tersebut dikatakan ayat majmuk. Dapat dikatakan, ayat majmuk wujud disebabkan wujudnya gabungan dua atau lebih ayat tunggal atau ayat dasar. Kegunaan ayat majmuk ialah semasa penulis ingin menulis karangan yang melibatkan penghujahan isi dan fakta yang dibincangkan. Berikut ini merupakan ayat majmuk yang merangkumi pengertian ayat majmuk, jenis-jenis ayat majmuk, Penjelasan secara mendalam dapat dipandukan seperti berikut:

10.2 Pengertian Ayat Majmuk (ความหมายของประโยคความรวม)

Ayat majmuk ialah ayat yang terbina daripada dua ayat tunggal atau lebih. Ayat majmuk juga disebut sebagai ayat kompleks. Ayat majmuk mempunyai dua subjek atau lebih atau dua predikat atau lebih. Ayat majmuk memakai kata hubung seperti "dan", "atau", "tetapi", "sambil", "yang", "bahawa", "ketika", "walaupun", dan seumpamanya untuk menggabungkan ayat-ayat tunggal supaya menjadi ayat majmuk.

Contohnya:

- (a) Ali sedang membaca buku dan ibunya sedang memasak nasi.
- (b) Awak hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri atau belajar di dalam negeri?
- (c) Laila kurus tetapi kakaknya gemuk.
- (d) Petani menanam jagung sambil menunggu padi masak.
- (e) Fatimah membeli baju yang berwarna biru.

- (f) Perdana Menteri memberitahu bahawa pada tahun 2020 Malaysia akan menjadi negara industri.
- (g) Ketika Jepun menyerang tanah Melayu Ahmad masih kecil lagi.
- (h) Walaupun dia sudah berusia, tetapi dia masih mahu belajar lagi.

10.3 Jenis-jenis Ayat Majmuk (ชนิดประโยคความรวม)

Ayat-ayat majmuk dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran.

(1) Ayat Majmuk Gabungan

Ayat majmuk gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua ayat tunggal atau lebih yang digabungkan menjadi satu dengan menggunakan kata hubung seperti "dan", "atau", "serta", "lalu", "sambil", "tetapi", dan sebagainya.

Contohnya:

- Azizah membaca buku dan membuat nota ringkas.
- Kamu bercita-cita hendak menjadi doktor atau peguam?
- Zainuddin serta rakan-rakannya membuat lawatan ke pameran buku.
- Kapal terbang itu singgah sekejap di Hawaii lalu meneruskan penerbangan ke Los Angeles.
- Rombongan itu membuat lawatan ke Korea sambil meninjau peluang perniagaan di negara tersebut.
- Pemandu kenderaan itu cuba mengelakkan kemalangan itu tetapi gagal.

Jenis ayat majmuk gabungan

Daripada contoh-contoh ayat di atas dapat dibahagikan ayat majmuk gabungan kepada dua jenis, iaitu ayat majmuk gabungan fakta berurutan dan ayat majmuk gabungan pertentangan fakta.

i. Ayat majmuk gabungan fakta berurutan

Ayat majmuk gabungan fakta berurutan ialah ayat majmuk gabungan yang menggabungkan ayat-ayat tunggal yang faktanya berurutan atau mempunyai maksud berurutan. Ayat jenis ini lazimnya menggunakan kata hubung seperti "dan", "serta", "lalu", "lagi", "sambil", "tambahan pula", "malahan", "akhirnya" dan seumpamanya.

Contohnya:

- Pemuda itu tidak berharta lagi tidak berpelajaran.
- Zaiton memandang saya sambil tersenyum.
- Pelajaran itu amat sukar, tambahan pula disampaikan dengan cara tidak menarik.
- Pegawai itu cekap, malahan baik hati pula.
- Mula-mula dia ditangkap, kemudian dipaksa memberitahu segala rahsia, akhirnya dibunuh.

Perkataan yang bergaris di atas merupakan penanda kata yang menggabungkan dua ayat. Ayat majmuk gabungan jenis fakta berurutan ini akan menjadi tidak gramatis sekiranya urutan fakta yang digabungkan dalam satu ayat itu tidak sesuai atau tidak mendukung makna yang munasabah.

Contohnya:

- * Ali membaca buku dan gunung itu tinggi.
- * Ibu menjahit baju atau ular itu besar
- * Ibrahim bercita-cita hendak menjadi doktor tetapi adiknya kurus.
- * Menara Kuala Lumpur itu tinggi, sambil menyanyi.

- * Peneroka itu menebas, menebang, menanam pokok getah, akhirnya wartawan itu dibunuh.

ii. Ayat majmuk gabungan pertentangan fakta

Ayat majmuk gabungan pertentangan fakta menggabungkan ayat-ayat tunggal yang mengandungi fakta yang bertentangan atau berlawanan. Ayat majmuk gabungan jenis ini menggunakan kata hubung seperti "tetapi", "sebaliknya", "melainkan", "padahal", "walhal", "kecuali", dan sebagainya.

Contohnya:

- Encik Azman pandai berniaga, tetapi anaknya tidak berminat langsung.
- Pada siang hari suhunya sangat panas, sebaliknya pada malam hari sangat sejuk.
- Bukan orang jahat yang menang, melainkan orang yang sentiasa berbuat baik.
- Orang itu membeli perabot import, padahal perabot buatan dalam negeri lebih murah.
- Mereka telah ditangkap dan didenda, walhal mereka tidak bersalah.
- Tidak mungkin kita memperoleh kejayaan yang cemerlang, kecuali kita berusaha dengan bersungguh-sungguh.

(2) Ayat Majmuk Pancangan

Ayat majmuk pancangan ialah ayat yang terbentuk daripada satu ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan ke dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk tersebut.

Jenis ayat majmuk pancangan

Terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan dalam bahasa Melayu iaitu ayat relatif, ayat komplemen dan ayat keterangan.

i. Ayat relatif

Ayat relatif ialah ayat yang dipancang ke dalam ayat induk dengan memakai kata relatif "yang".

Contohnya:

- Aiman memakai baju yang berwarna kuning.
- Rani membaca buku yang dipinjam oleh Ahmad daripada perpustakaan.
- Semua pelajar mendengar cerita yang lucu itu.
- Pencerita itu menyampai cerita yang menarik.
- Kapal terbang yang membawa kargo itu terhempas di kawasan hutan di Saiburi.

Ayat-ayat di atas merupakan ayat majmuk pancangan yang terbina daripada ayat-ayat berikut:

- i) Aiman memakai baju.
- ii) Baju itu berwarna kuning.

Apabila dua ayat tunggal itu digabungkan menjadi ayat majmuk maka terbentuklah Ayat

➔ Aiman memakai baju yang berwarna kuning.

Dalam ayat induk "Aiman memakai baju". dan ayat relatif yang dipancangkan ke dalam ayat induk ialah "yang berwarna kuning". Kata relatif yang digunakan ialah "yang". Kata relatif "yang" digunakan sebagai ganti kepada perkataan "baju" yang serupa dan tidak perlu diulang dalam ayat majmuk pancangan. Demikian juga dengan ayat lain, ayat tersebut terbina melalui proses yang sama, iaitu proses pemancangan ayat relatif.

Ayat majmuk "Rani membaca buku yang dipinjam oleh Ahmad daripada perpustakaan.", terbentuk daripada ayat-ayat tunggal yang berikut:

- (i) Rani membaca buku.
- (ii) Buku itu dipinjam oleh Ahmad daripada perpustakaan.

Dalam proses menggabungkan ayat (i) dan ayat (ii) untuk menjadi ayat majmuk, ayat (i), iaitu "Rani membaca buku" menjadi ayat induk, dan ayat (ii), iaitu "Buku itu dipinjam oleh Ahmad daripada perpustakaan" menjadi ayat pancangan yang dipancang masuk ke dalam ayat induk, iaitu ayat (i). Apabila proses pemancangan berlaku, kata relatif "yang" digunakan bagi menggantikan kata "buku" yang serupa yang tidak perlu diulang dalam ayat majmuk pancangan.

Ayat majmuk "Semua pelajar mendengar cerita yang lucu itu" terbentuk daripada dua ayat yang berikut:

- (i) Semua pelajar mendengar cerita.
- (ii) Cerita itu lucu.

Ayat (i) ialah ayat induk. Ayat (ii) dipancang masuk ke dalam ayat induk untuk membentuk ayat majmuk pancangan. Apabila ini berlaku kata relatif "yang" digunakan bagi menggantikan perkataan "cerita" yang serupa yang tidak perlu diulang dalam ayat majmuk pancangan.

Ayat majmuk setersunya "Pencerita itu menyampai cerita yang menarik." terbina daripada dua ayat tunggal yang berikut:

- (i) Pencerita itu menyampai cerita.
- (ii) Cerita itu menarik.

Apabila ayat (i) digabungkan dengan ayat (ii) untuk membentuk ayat majmuk pancangan, ayat (i) menjadi ayat induk, dan ayat (ii) dipancang masuk ke dalam ayat induk dengan menggunakan kata relatif "yang" bagi menggantikan perkataan cerita yang serupa yang tidak perlu diulang dalam ayat majmuk pancangan.

Begini juga prosesnya yang berlaku pada ayat berikut, iaitu "Kapal terbang yang membawa kargo itu terhempas di hutan di Saiburi", terbentuk daripada dua ayat tunggal yang berikut:

- (i) Kapal terbang itu terhempas di hutan di Saiburi.
- (ii) Kapal terbang itu membawa kargo.

Dalam proses membentuk ayat majmuk pancangan, ayat (i) ialah ayat induk. Ayat (ii) dipancang masuk ke dalam ayat induk dengan menggunakan kata relatif "yang" bagi menggantikan perkataan "kapal terbang" yang serupa yang tidak perlu diulang dalam ayat majmuk pancangan.

ii. Ayat komplemen

Ayat komplemen ialah ayat yang dipancang ke dalam ayat induk sebagai unsur yang melengkapkan ayat tersebut. Ayat komplemen dipancang ke dalam ayat induk dengan menggunakan kata komplemen "bahawa". Dalam ayat majmuk pancangan, ayat komplemen terdapat dua ayat tunggal, iaitu satu ayat induk, dan satu lagi ayat komplemen yang dipancang ke dalam ayat induk dengan menggunakan kata komplemen "bahawa". Ayat komplemen merupakan ayat yang berfungsi sebagai pelengkap (komplemen) atau objek kepada ayat majmuk pancangan.

Contohnya:

- (a) Dia memberitahu bahawa ibunya sakit tenat.
- (b) Menteri Pertanian menegaskan bahawa petani-petani patut mula menanam tanaman komersil.
- (c) Pelajar itu mengetahui bahawa kegalannya berpunca daripada kurang tekun belajar.
- (d) Bahawa sekolahnya telah menjadi juara pertandingan pidato sudah diketahui oleh pengetua.
- (e) Polis melaporkan bahawa lebuh raya itu belum boleh dilalui oleh kenderaan berat.

Dalam ayat majmuk pancangan ayat komplemen (a) terdapat dua ayat tunggal seperti berikut:

- (i) Dia memberitahu (sesuatu).
- (ii) Ibunya sakit tenat.

"bahawa" merupakan kata komplemen. Apabila dibentuk ayat majmuk pancangan ayat komplemen (a), ayat (ii) "ibunya sakit tenat dipancang masuk ke dalam ayat induk, iaitu ayat (i) "Dia memberitahu (sesuatu)" dengan menggunakan kata komplemen "bahawa". Ayat komplemen "bahawa ibunya sakit tenat" berfungsi sebagai pelengkap (komplemen) atau objek dalam ayat majmuk pancangan ayat komplemen (a), iaitu "Dia memberitahu bahawa ibunya sakit tenat".

Dalam ayat (b) juga terdapat dua ayat yang berikut:

- (i) Menteri Pertanian menegaskan (sesuatu).
- (ii) Petani-petani patut mula menanam tanaman.

"bahawa" merupakan kata komplemen. Apabila dibentuk ayat majmuk pancangan ayat komplemen (b), maka berlakulah proses pemancangan masuk ayat (ii), iaitu "Petani-petani patut mula menanam tanaman komersil dengan menggunakan kata komplemen "bahawa" ke dalam ayat induk (i). Ayat komplemen "bahawa petani-petani patut mula menanam tanaman komersil" berfungsi sebagai pelengkap (komplemen) atau objek dalam ayat majmuk pancangan (b), iaitu " Menteri Pertanian menegaskan bahawa petani-petani patut mula menanam tanaman komersil".

Selain kata komplemen "bahawa", terdapat satu lagi kata yang menjadi kata komplemen, iaitu "untuk" yang dipakai bagi mencantumkan ayat komplemen dengan ayat induk seperti dalam contoh yang berikut:

- (a) Untuk saya menyelesaikan masalah itu amat rumit.
- (b) Untuk Ahmad mengatasi masalah itu amat sukar.
- (c) Untuk kami menerima alasan itu sangat sukar.
- (d) Sungguh sukar untuk kami melupai peristiwa itu.
- (e) Amat senang untuk mereka lulus ujian itu.

Dalam ayat majmuk pancangan ayat komplemen (a) di atas terdapat dua ayat yang berikut:

- (i) Saya amat rumit.
- (ii) Saya menyelesaikan masalah itu.

"untuk" merupakan kata komplemen

Apabila dibentuk ayat majmuk pancangan ayat komplemen (a) "Untuk saya menyelesaikan masalah itu amat rumit", maka ayat (ii) "Saya menyelesaikan masalah itu" dipancang ke dalam ayat induk (i) "Saya amat rumit" dengan menggunakan kata komplemen "untuk". Ayat komplemen "Untuk saya menyelesaikan masalah itu" menjadi pelengkap (komplemen) kepada ayat (a), iaitu "Untuk saya menyelesaikan masalah itu amat rumit".

Ayat majmuk pancangan ayat komplemen (b) "Untuk Ahmad mengatasi masalah itu amat sukar" terbentuk daripada dua ayat yang berikut:

- (i) Ahmad amat sukar.
- (iii) Ahmad mengatasi masalah itu.

"untuk" merupakan kata komplemen.

Apabila dibentuk ayat majmuk pancangan ayat komplemen (b). "Untuk Ahmad mengatasi masalah itu amat sukar", proses pemancangan ayat (ii) dalam ayat induk (i) berlaku dengan menggunakan kata komplemen "untuk". Ayat komplemen "Untuk mengatasi masalah itu" menjadi pelengkap (komplemen) kepada ayat majmuk pancangan ayat komplemen (b), iaitu "Untuk Ahmad mengatasi masalah itu amat sukar".

iii. Ayat keterangan

Ayat keterangan ialah ayat majmuk pancangan yang terbina daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau beberapa ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan dalam predikat (Yuliana Setiabudi, 2018). Dalam bahasa Melayu terdapat beberapa jenis ayat keterangan berdasarkan kata hubung yang digunakan. Ayat-ayat keterangan tersebut terdiri daripada:

- (a) Ayat Keterangan Sebab
- (b) Ayat Keterangan Waktu
- (c) Ayat Keterangan Syarat
- (d) Ayat Keterangan Cara
- (e) Ayat Keterangan Harapan
- (f) Ayat Keterangan Pertentangan

- (g) Ayat Keterangan Akibat
- (h) Ayat Keterangan Perbandingan.
- (i) Ayat Keterangan Tujuan

a. Ayat keterangan sebab

Ayat keterangan sebab ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan sebab musabab berlakunya sesuatu perbuatan atau kejadian. Ayat keterangan sebab lazimnya menggunakan kata hubung keterangan sebab atau frasa yang menerangkan sebab seperti "sebab", "kerana", "oleh sebab", "lantaran" dan seumpamanya bagi menyambungkan ayat kecil kepada ayat induk.

Contohnya:

- (a) Ainthira memperoleh keputusan cemerlang sebab dia rajin belajar.
- (b) Malaysia menjadi negara maju dalam sektor pendidikan kerana kerajaan mengutamakan bidang pendidikan.
- (c) Oleh sebab mereka datang lambat, mereka tidak dibenarkan bertemu dengan ketua jabatan.
- (d) Oleh sebab pelajar itu tidak tidur, dia tidak hadir kuliah.
- (e) Budak itu kehilangan dua batang jarinya, lantaran bermain mercun buatan sendirin sempena hari raya.

b. Ayat keterangan waktu

Ayat keterangan waktu ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan masa atau waktu sesuatu perbuatan atau kejadian itu berlaku. Kata hubung sebagai penanda ayat ini ialah "ketika", "tatkala", "sewaktu", "semasa", "sejak", "semenjak", "sementara", "setelah", dan seumpamanya.

Contohnya:

- (a) Hamdan pernah memegang jawatan ketua penuntut ketika dia belajar di sekolah menengah dahulu.
- (b) Tatkala Jepun menyerang Tanah Melayu Ali masih kecil lagi.

- (c) Pemuda itu ditangkap sewaktu dia sedang mengedar dadah berbahaya.
- (d) Sejak kecil lagi Ahmad bercita-cita hendak menjadi doktor.
- (e) Berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak.

c. Ayat keterangan syarat

Ayat keterangan syarat ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan syarat atau tuntutan yang harus dipenuhi. Ayat keterangan syarat lazimnya menggunakan kata hubung keterangan syarat seperti "kalau", "jikalau", "jika", "sekiranya", andai kata, dan seumpamanya.

Contohnya:

- (a) Kalau dibenarkan oleh pengetua kita akan menukuhan Persatuan Bahasa Melayu.
- (b) Jika hari tidak hujan perlawanan hoki itu akan dilangsungkan.
- (c) Jika diizinkan Tuhan saya dan suami akan pergi ke Mekah untuk menunaikan haji pada tahun ini.
- (d) Dia akan melanjutkan pelajaran ke universiti sekiranya dia mendapat kelulusan cemerlang.
- (e) Kalau diizinkan Tuhan kami akan naik haji pada tahun ini.

d. Ayat keterangan cara

Ayat keterangan cara ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan gaya, kaedah atau cara sesuatu perbuatan atau kejadian itu berlaku. Ayat keterangan cara lazimnya menggunakan kata hubung cara "dengan" seperti dalam contoh yang berikut:

Contohnya:

- (a) Hasnah mengupas buah itu dengan pisau.
- (b) Pemuda itu mengelilingi dunia dengan basikal.
- (c) Pemburu itu membunuh harimau itu dengan senapang.
- (d) Pelajar itu ke sekolah dengan bas.
- (e) Pelancong itu tiba dengan pesawat MAS.

e. Ayat keterangan harapan

Ayat keterangan cara ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihajati atau yang diharapkan. Ayat keterangan harapan lazimnya menggunakan kata hubung harapan seperti "agar", "supaya", "semoga", "semogamoga", "kalau-kalau" dan seumpamanya.

Contohnya:

- (a) Mereka perlu bertolak ransur agar semua pihak berpuas hati.
- (b) Puan Zainun bekerja kuat supaya dapat menyara tiga orang anaknya.
- (c) Pak Abu berdoa semoga anaknya selamat di perantauan.
- (d) Moga-moga rohnya dicucuri rahmat.
- (e) Cuba kita minta pertolongan daripada jiran kalau-kalau mereka boleh menolong kita.

f. Ayat keterangan pertentangan

Ayat keterangan pertentangan ialah unsur atau bahagian ayat yang sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlawanan atau bertentangan. Ayat keterangan pertentangan lazimnya menggunakan kata hubung keterangan pertentangan seperti "walaupun", "sungguhpun", "meskipun", "kendatipun", "biarpun", "sekalipun", "walau bagaimanapun", "namun", "sedangkan" dan seumpamanya.

Contohnya:

- (a) Walaupun dia miskin harta, budi bahasanya kaya.
- (b) Sungguhpun badannya letih ketua kampung itu tetap menghadiri majlis perayaan itu.
- (c) Meskipun kaki perajurit terkena peluru dia terus menawan musuh.
- (d) Sekalipun Zainab sudah berusia tinggi, dia masih mahu melanjutkan pelajaran ke universiti.
- (e) Fatimah berpindah juga ke bandar, sedangkan hatinya masih di kampung.

g. Ayat keterangan akibat

Ayat keterangan akibat ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan, kesan, atau hasil perbuatan, atau akibat daripada sesuatu perbuatan atau kejadian. Lazimnya ayat keterangan akibat menggunakan kata hubung keterangan akibat seperti "hingga", "sehingga" , dan seumpamanya seperti dalam contoh yang berikut:

Contohnya:

- (a) Mereka itu bekerja keras hingga menjadi kaya-raya.
- (b) Pelajar itu berusaha bersungguh-sungguh hingga memperoleh kelulusan yang cemerlang.
- (c) Mereka membina bangunan itu tidak berhenti-henti sehingga siap.
- (d) Polis peronda itu terus-menerus mengejar perompak itu sehingga berjaya menangkap mereka.
- (e) Pasukan badminton negara bermain dengan penuh kesungguhan sehingga berjaya menjuarai kejohanan dunia.

Ayat keterangan perbandingan

Ayat perbandingan ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan perbuatan atau kejadian yang menunjukkan persamaan. Kata hubung keterangan perbandingan yang lazim digunakan dalam ayat keterangan perbandingan ialah 'seperti', 'macam', 'seakan-akan', 'seolah-olah', 'ibarat', 'bagaikan!', dan 'bak' seperti dalam ayat-ayat yang berikut:

Contohnya:

- (a) Pasangan pengantin itu sama cantik, sama padan seperti pinang di belah dua.
- (b) Selepas kematian Pak Musa, keluarga Mak Minah menjadi susah macam ayam kehilangan ibu.
- (c) Apabila terjatuh ke dalam laut itu saya merasa sukar bernafas seakan-akan hendak lemas.

- (d) Semua pekerja syarikat itu berasa gembira seolah-olah mendapat durian runtuh, apabila mereka diberitahu bahawa mereka akan diberi dua bulan bonus.
- (e) Pemuda itu sentiasa mengelamun ibarat pungguk rindu akan bulan.

Ayat keterangan tujuan

Ayat keterangan tujuan ialah unsur atau bahagian ayat yang menerangkan maksud atau tujuan bagi sesuatu' perbuatan atau kejadian. Lazimnya kata hubung keterangan tujuan seperti "untuk", "demi", dan "bagi" digunakan dalam ayat keterangan tujuan ini.

Contohnya:

- (a) Kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini.
- (b) Untuk mencapai matlamat negara menjadikan Malaysia negara industri, kita perlu mengorak langkah ke arahnya mulai dari sekarang.
- (c) Demi menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ditubuhkan.
- (d) Angkatan Tentera kita berjuang dengan penuh semangat demi mempertahankan negara.
- (e) Pejabat Pendidikan Daerah telah menyediakan pelbagai peralatan dan kemudahan bagi membolehkan guru-guru melaksanakan tugas pendidikan dengan sempurna.

(2) Ayat Majmuk Campuran

Ayat majmuk campuran ialah ayat majmuk yang terbentuk daripada campuran antara ayat tunggal dengan ayat majmuk atau dengan deretan beberapa jenis ayat majmuk. Lazimnya ayat tunggal bercampur dengan ayat majmuk pancangan untuk membentuk ayat campuran. Terdapat juga ayat campuran antara ayat gabungan dengan ayat pancangan dan seumpamanya. Ayat campuran ini biasanya panjang.

Contohnya:

- (a) Mak Timah sangat gembira kerana anaknya yang baru pulang dari England pada tahun ini itu sudah mendapat pekerjaan.
- (b) Pelancong dari Cina itu telah melawat Muzium Negara, Tugu Negara, Taman Negara, dan mereka juga akan membuat lawatan ke Melaka, jika mereka masih mempunyai masa.
- (c) Anas berazam hendak menjadi doktor perubatan kerana beliau ingin menolong rakyat miskin yang mengidap berbagai-bagai penyakit.
- (d) Ibrahim, dan Anwar yang tamat pengajian dalam bidang kejuruteraan dari Universiti Kebangsaan Malaysia akan memulakan perusahaan mereka sendiri, dan mereka juga akan menubuhkan syarikat perundingan.
- (e) Phuket kini menjadi pelabuhan bebas yang terkenal di rantau ini, dan di sana terdapat banyak tempat yang menarik yang dapat menarik ramai pelancong dari dalam negeri dan juga dari luar negeri.

Analisis ayat majmuk

Ayat majmuk campuran (a) terdapat percampuran ayat-ayat yang berikut:

- (i) Mak Minah sangat gembira. → ayat tunggal
- (ii) kerana anaknya yang baru pulang dari England pada tahun ini itu sudah mendapat pekerjaan.

→ Ayat majmuk pancangan

Ayat majmuk campuran (b) terdapat percampuran ayat-ayat yang berikut:

(i) Pelancong dari Cina telah melawat Muzium Negara, Tugu Negara, dan Taman Negara.

→ Ayat majmuk gabungan

(ii): Mereka juga akan membuat lawatan ke Melaka, jika mereka masih mempunyai masa.

→ Ayat Majmuk pancangan

Ayat majmuk campuran (c) terdapat percampuran ayat-ayat yang berikut:

(i) Aziz berazam hendak menjadi doktor perubatan kerana beliau ingin menolong rakyat miskin.

→ Ayat majmuk pancangan keterangan

(ii) yang menghidap berbagai-bagai penyakit.

→ Ayat majmuk pancangan relatif

Ayat majmuk campuran (D) terdapat percampuran ayat-ayat yang berikut:

(i) Ibrahim dan Anwar akan memulakan perusahaan mereka sendiri.

→ Ayat majmuk gabungan

(ii) yang tamat pengajian dalam bidang kejuruteraan dari Universiti Kebangsaan Malaysia

→ Ayat majmuk pancangan relatif

(iii) Mereka juga akan menubuhkan syarikat perundingan. → Ayat tunggal

Ayat tunggal (iii) digabung dengan ayat (i) untuk menjadi sebahagian daripada ayat gabungan yang lebih panjang yang berikut: Ibrahim dan Anwar akan memulakan perusahaan mereka sendiri, dan mereka juga akan menubuh syarikat perundingan. Kemudian ayat (i) dipancangkan dengan ayat (ii.) Ibrahim dan Anwar *yang tamat pengajian dalam bidang kejuruteraan dari Universiti Kebangsaan Malaysia* akan memulakan perusahaan mereka sendiri, dan mereka juga akan menubuh syarikat perundingan.

Seterusnya dalam ayat campuran (e), terdapat ayat-ayat yang berikut:

(i) Phuket kini menjadi pelabuhan bebas yang terkenal di rantau ini.

→ Ayat majmuk pancangan relatif

(ii) di sana terdapat banyak tempat yang menarik

→ Ayat majmuk pancangan relatif

(iii) yang dapat menarik ramai pelancong dari dalam negeri, dan dari luar negeri.

→ Ayat majmuk pancangan relatif

Kesimpulan (ບໍລິສັດ)

Ayat majmuk dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Ayat majmuk gabungan dibahagikan kepada dua jenis iaitu ajat majmuk gabungan berurutan fakta, ayat majmuk gabungan bententangan fakta. Manakala ayat majmuk pancangan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan ayat komplemen dan ayat majmuk keterangan. Ayat majmuk keterangan dibahagikan kepada ayat keterangan sebab, keterangan waktu, keterangan syarat, keterangan cara, keterangan harapan, keterangan pertentangan, keterangan akibat, keterangan perbandingan dan keterangan tujuan.

Latihan (แบบฝึกหัด)

1. Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah dengan kata hubung yang diberikan binakan ayat-ayat tersebut menjadi ayat majmuk.

dan, tetapi, sambal, dan, manakala, yang, apabila, tetapi, sebelum, atau

1) a) Adik membaca surat komik.

b) Adik mendengar lagu.

2) a) Anida pergi ke Krabi.

b) Adnan pergi ke Krabi.

3) a) Anwar dari Kuala Lumpur.

b) Anis dari Jawa.

4) a) Baju itu berwarna emas.

b) Baju itu sangat mahal.

5) a) Kanak-kanak terkejut.

b) Kanak-kanak tersengar bunyi letupan bom semalam.

- 6) a) Guru itu kaya.
b) Guru itu kedekut.

- 7) a) Ali ketuk pinta
b) Ali masuk ke dalam bilik guru besar.

- 8) a) Anas akan ke Pulau Pinang?
b) Anas akan ke Pulau Langkawi?

- 9) a) Anis membeli buku.
b) Anis membeli alat-alat tulis.

- 10) a) Abang memotong rumput.
b) Adik menyapu sampah.

2. Gabungkan ayat-ayat di bawah kepada ayat majmuk.

- 1) a) Anita suka minum teh hijau.
- b) Anita suka minum air buah.

- 2) a) Rumah itu cantik.
- b) Rumah itu rumah adik saya.

- 3) a) Aini menulis karangan.
- b) Aini mendengar muzik.

- 4) a) Anita bermain volleyball.
- b) Anis bermain volleyball.

- 5) a) Komputer tidak berfungsi.
- b) Komputer itu sudah rosak.

- 6) a) Adik saya rajin belajar.
- b) Saya malas belajar.

- 7) a) Aesyah sedang membuat laporan.
b) Aesyah sedang menonton televisyen.

- 8) a) Ali suka mendengar pidato?
b) Ali suka mengarang buku?

- 9) a) Ibu tidak dapat makan.
b) Ibu demam sejak semalam.

- 10) a) Ayah pergi di belakang rumah.
b) Ayah mengambil sebatang cangkul.

3. Cerakin ayat-ayat majmuk di bawah menjadi ayat tunggal.

- 1) Saya akan balik ke kampung apabila selesai tugas penting.
a).....
b).....
- 2) Anas menternak ayam daging dan ayam telur.
a).....
b).....

3) Anwar suka membaca buku, tetapi Aminah suka menulis cerita.

a).....

b).....

4) Ramli telah dimarahi ibunya, kerana ponteng sekolah.

a).....

b).....

5) Sani orang miskin, tetapi sangat berbudi dan berbahasa.

a).....

b).....

Rujukan (ເອກສານອ້າວິງ)

- Ab. Rahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt. 2007. *Bahasa Kebangsaan*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn, Bhd.
- Abdul ghalib Yunus dan Ghazali Lateh. 2009. *Bahasa Malaysia*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood. 2006. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dkk. 2006. *Sintaksis*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. 2007. *Linguistik Am*: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. 2008. *Nahu Kemas Kini Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. 2008. *Tatabahasa Pedagogi untuk sekolah Menengah*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ain Nafila. 2009. *Bahasa Malaysia Tingkatan 5*. Selangor: Pelangi Sdn. Bhd.
- Asmah Omar. 2004. *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM Sebagai Pembina Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf dan Suriati Ibrahim. *Bahasa Malaysia (Tatabahasa)*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Aziah Tajudin. 2007. *Berhenti Sejenak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziah Tajudin. 2007. *Indahnya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Ejaan Rumi Baru*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap. 2005. *Pembicaraan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya Bahasa Melayu Sistem Pembentukan AYat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman. 1994. *Pedoman Sebutan Baku Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jane Grimshaw. 1995. *Struktur Argumen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Lai dan Raja Masittah Raja Ariffin. 2007. *Petunjuk Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan. 1994. *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Shahidan. 2009. *KBSR/PKSR Advantage Bahasa Malaysia Tahun 3*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood. 2004. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paitoon M. Chaiyanara. 2006. *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pitsamai Intarachat. 1987. *Sintaksis Predikat dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radiah Yussoff dan Nor' Aini Ismail. 2006. *Linguistik Pengenalan*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Raja Ahmad Fauzi Raja Ishak. 2007. *Praktis Bina Ayat dan Ulasan*. Selangor: Pelangi Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. 20011. *Bahasa Melayu I Edisi Kedua*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Yuliana Setiabudi. 2018. **AYAT MAJMUK Ayat majmuk Pancangan Relatif Ayat Majmuk Gabungan.** Retrieved 20 November 2022, from <https://slideplayer.info/slide/14094751/>.
- Zainal Abidin Ahmad. 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- พจนานุกรม ศัพท์ภาษาศาสตร์ (ภาษาศาสตร์ทั่วไป) ฉบับราชบัณฑิตยสถาน. (2560). กรุงเทพมหานคร: เอบิช อินเตอร์กรุ๊ป จำกัด.